

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 28 MEI 2015 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Malaysia menuju masa depan melalui sains, teknologi dan inovasi	BERNAMA
2.	Fiesta Rih Sakan platform promosi kepentingan sains	Utusan Malaysia



Malaysia Menuju Masa Depan Melalui Sains, Teknologi Dan Inovasi

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- [Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) memperhebatkan pembangunan sains, teknologi dan inovasi (STI) negara dalam tempoh lima tahun ini bagi memastikan Malaysia menjadi negara maju pada tahun 2020.

Tidak dinafikan, STI adalah penanda aras yang mengukur pembangunan dan kemajuan ekonomi negara, dan rakyat di negara-negara maju mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kepentingannya dengan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

MOSTI yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk memajukan STI telah mengisytiharkan tempoh 2010 hingga 2020 sebagai Dekad Inovasi dan platform penganjuran program serta aktiviti.

Ini bagi memperkasa agenda STI negara untuk membolehkan Malaysia mencapai sasaran negara berpendapatan tinggi, mampan, inklusif dan negara maju secara saintifik menjelang 2020.

"Sejajar dengan teras strategik kelima Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara, iaitu untuk menggalakkan dan memupuk kesedaran orang ramai mengenai STI, MOSTI telah mengadakan pelbagai program pembudayaan STI.

"Dalam tempoh lima tahun yang lepas, kita mengadakan Malaysia Inovatif (2010), Tahun Sains dan Matematik (2011), Tahun Sains dan Gerakan Inovasi (2012), Inovasi Inklusif (2013) dan Tahun Pengkomersilan MOSTI (2014)," kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin pada majlis pelancaran Persidangan dan Pameran Inovasi Negara (NICE) dan Pameran Inovasi Antarabangsa 2015, Khamis lepas.

Malaysia pada kedudukan ke-20 ekonomi terbaik dalam kalangan 144 negara, dalam Laporan Daya Saing Global 2014-2015, di tempat ke-16 daripada 60 negara di dalam World Competitiveness Yearbook 2014 dan ke-33 daripada 144 negara, dalam Laporan Indeks Inovasi Global 2014.

Pada 2013, kerajaan meluluskan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara bagi menyokong usaha MOSTI untuk membudayakan STI.

Antara tonggak strategik di bawah dasar itu ialah memperkukuh keupayaan dan kemampuan penyelidikan dan teknologi; membangun, memupuk dan menggilap bakat; mengaktif dan merangsang industri; mengubah tadbir urus STI; menggalak dan memupuk kesedaran STI; dan memperkukuh hubungan strategik antarabangsa.

Setiausaha Bahagian Kanan Bahagian Perancangan MOSTI, Kamel Mohamad berkata tempoh lima tahun akan datang merupakan cabaran bagi kementerian dalam menyediakan rakyat untuk masa depan, memandangkan kerajaan memberi penekanan akan pentingnya rakyat seperti yang dicerminkan oleh Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) yang bertemakan 'Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat'.

"Kita mencapai kemajuan yang agak baik. Kemiskinan telah dikurangkan, pendapatan isi rumah meningkat dan pemilikan rumah juga bertambah.

"Namun tempoh lima tahun akan datang adalah amat mencabar kerana kita berdepan ketidaktentuan global, teknologi yang pantas berubah dan persoalan sama ada kita mampu bergerak seiring dalam konteks perkembangan teknologi," katanya pada forum bertajuk 'Rancangan Malaysia Ke-11 - STI Jalan Untuk Ke Depan' bersempena Persidangan Inovasi Kebangsaan mengenai Pendidikan (NICE) 2015, Jumaat lepas.

Bagi merangsang asas-asas ekonomi, satu daripada strategi yang digariskan di bawah RMK11 ialah usaha mesti dilaksana bagi membuka potensi produktiviti dalam usaha memastikan pertumbuhan mampan dan inklusif.

"Di sinilah STI memainkan peranan penting memandangkan teknologi dan pengetahuan akan meningkatkan produktiviti dan mengubah inovasi kekayaan.

"Terdapat banyak ruang untuk STI dalam aspek ini kerana kita sedang menuju ke arah inovasi perusahaan dan masyarakat. Penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersilan juga sangat penting," kata Kamel. Di bawah STI, antara strategi yang dirangka bagi inovasi perusahaan adalah:

- * mengukuhkan mekanisme tadbir urus menerusi penubuhan agensi pengurusan penyelidikan serta mengembangkan Portal 1Dana;
- * meningkatkan penyelidikan berasaskan permintaan dengan menumpukan pembiayaan sektor awam bagi penyelidikan, pembangunan, pengkomersilan serta inovasi;
- * mengukuhkan kolaborasi industri-akademia menerusi langkah menggalakkan kerjasama tempatan serta antarabangsa bagi pemindahan teknologi, termasuk pemantapan persepakatan antara syarikat multinasional dan perusahaan kecil dan sederhana; dan
- * mempromosi pembiayaan swasta bagi pembangunan penyelidikan, pengkomersilan dan inovasi dengan meningkatkan akses kepada pembiayaan swasta.

Sementara itu, usaha bagi memacu inovasi di peringkat masyarakat pula berdasarkan:

- * mengukuhkan kolaborasi menerusi pendekatan keseluruhan masyarakat dengan menggalakkan penyertaan lebih meluas di peringkat kerajaan, penduduk, badan bukan kerajaan (NGO) dan pemimpin pertubuhan dan masyarakat yang membabitkan perkhidmatan sosial;
- * membangunkan satu model pembiayaan sosial bagi menggalakkan pelaburan dari sektor swasta, yayasan serta individu bagi menyampaikan perkhidmatan sosial;

* mempromosikan kemahiran berfikir tinggi bagi mewujudkan masyarakat dinamik menerusi penelitian terhadap program sedia seperti I-Think dan Genovasi; serta

* mengutamakan sains dan matematik dalam pendidikan serta memperluaskan peluang kerjaya dalam sains dan teknologi.

"Kami juga menyasarkan untuk mempunyai kakitangan mahir di bawah Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional. Malah, baru-baru ini, Parlimen telah meluluskan pembentukan Majlis Teknologi Malaysia selepas usaha melobinya selama 10 tahun.

"Ia akan memperkasakan profesion teknologi dan menyokong transformasi bidang teknikal dan vokasional," kata Kamel.

Sebagai tambahan, katanya, lebih banyak peruntukan akan disalurkan kepada agensi perkhidmatan STI di bawah MOSTI seperti [Jabatan Meteorologi Malaysia dan Agensi Remote Sensing Malaysia](#) bagi meningkatkan perkhidmatan untuk pengukuhan daya tahan terhadap perubahan cuaca dan bencana alam.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (EDISI SELATAN)
TARIKH : 28 MEI 2015 (KHAMIS)

Fiesta Riuh Sakan platform promosi kepentingan sains



MELAKA 27 Mei - Penganjuran Fiesta Riuh Sakan 2015 yang bakal berlangsung di Dataran 1Malaysia, Pantai Klebang di sini dilihat berupaya mempromosikan kepentingan sains kepada masyarakat melalui pelbagai aktiviti yang diadakan.

Ahli Parlimen Tangga Batu, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, festival selama tiga hari bermula 29 hingga 31 Mei itu amat bersesuaian dengan keperluan masyarakat terutamanya golongan belia masa kini.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, budaya kreativiti perlu disemai dalam kalangan pelajar dari peringkat awal kerana amalan tersebut mampu menjejaskan mereka kepada minat terhadap inovasi.

"Pendekatan ini amat penting dan bersesuaian pada masa sekarang memandangkan pada masa akan datang, perjuangan hidup ini kebanyakannya akan menitikberatkan kepada gerakan inovasi dan penciptaan benda-benda baharu.

"Justeru, saya mahu melihat Fiesta Riuh Sakan ini dapat mempromosikan budaya kreativiti yang menjurus kepada inovasi agar golongan muda masa kini memahami cabang tersebut, seterusnya boleh membawa kekayaan pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian ke-



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH menyampaikan replika cek tajaan akhbar Utusan Malaysia dan Kosmo! sebanyak RM5,000 kepada Abd. Kadir Husin sempena penganjuran Fiesta Riuh Sakan 2015 di Krubong, Melaka, kelmarin.

tika ditemui selepas menyampaikan cek tajaan akhbar sebanyak RM5,000 sempena Fiesta Riuh Sakan 2015 kepada wakil Utusan Malaysia Cawangan Melaka, Abd. Kadir Husin, di sini semalam.

Sementara itu jelas Abu Bakar, beliau menggalakkan lebih ramai penduduk setempat terutamanya di kawasan Tangga Batu dapat memeriahkan fiesta tersebut demi memperoleh manfaat bersama.

Katanya, beliau yakin terdapat ramai individu yang mempunyai daya kreativiti tinggi di kampung, namun tidak dapat ditonjolkan atas sifat malu serta ada yang tidak menyedari kemudahan disediakan kerajaan.

"Oleh itu, saya harap program

seperti Fiesta Riuh Sakan ini dapat menonjol serta membuktikan kreativiti yang dimiliki masyarakat dari kawasan luar bandar," ujarnya.

Tambahnya, beliau juga yakin fiesta tersebut akan mendapat sambutan menggalakkan daripada rakyat seluruh negeri ini dengan publisiti serta kerja kuat pelbagai pihak termasuk Belia 4B negeri, Pemuda UMNO serta jentera pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Fiesta Riuh Sakan 2015 di Melaka merupakan acara keempat yang dianjurkan selepas Batu Pahat, Johor dan Jitra, Kedah masing-masing pada Mei dan September 2013 serta di Putrajaya pada April tahun lalu.